

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

Peruntukan RM150j bagi program miskin tegar

Peruntukan RM150j bagi program miskin tegar

Gua Musang: Kerajaan memperuntukkan RM150 juta bagi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata RM17 juta sudah diluluskan untuk fasa satu bagi melaksanakan program berkenaan di seluruh negara, sejajar usaha kerajaan memenuhi sasaran tiada miskin tegar menjelang 2025.

“BMTKM dijangka membabitkan 300 lokaliti di seluruh negara dan negeri yang mana kadar kemiskinan (tegar) tinggi, bilangan keluarga perlu pasti lebih ramai.

“Kita mendapat kerjasama semua pihak di peringkat pejabat tanah, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

“Program ini akan dipantau setiap bulan. Itu bezanya program ini dengan program lain,” katanya ketika ditemui di perkampungan Orang Asli Kampung Kuala Lah, semalam.

+ Bagi program BMTKM di Kuala Lah, sejumlah RM415,996 diperuntukkan untuk 35 keluarga isi rumah (KIR) miskin tegar.

Katanya, 35 KIR tergolong dalam miskin tegar dipilih untuk terbabit dalam program bidang pertanian, membabitkan penanaman cendawan, serai dan halia.

“Secara purata, sebuah keluarga mendapat peruntukan kira-kira RM12,000. Program bertujuan meningkatkan pendapatan mereka bagi membolehkan golongan sasar mengubah serta menaik taraf ekonomi keluarga,” katanya.